



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 25 JANUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEBANYAK 21 LADANG BABI DI PULAU PINANG DIJANGKITI ASF, NEGERI P.PINANG, SH -27	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	21 LADANG BABI DI PULAU PINANG DIJANGKITI ASF, NEGARA, KOSMO -15	
3.	TIGA LAGI LADANG BABI REKOD KES BAHRU ASF, NASIONAL, BH -16	
4.	TIGA LAGI LADANG BABI DIJANGKITI ASF, LOKAL, HM -11	
5.	ASF CASES REPORTED IN 3 MORE PIG FARMS IN SEBERANG PRAI, NEWS, NST -8	
6.	KUNJUNG LKIM, BINCANG MASA DEPAN NELAYAN TERJEJAS, MELAKA, HARAKAH -H7	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7.	AGROBANK ANJUR KEMPEN BANTU 40 PELAJAR, BISNES, HM -23	AGROBANK
8.	AGROBANK BANTU PELAJAR B40, NIAGA, KOSMO -38	
9.	'ABOLISHING EGG IMPORT APs UNSUSTAINABLE', NEWS, NST -7	LAIN-LAIN
10.	BEKALAN AYAM BAKAL SUSUT 40%, DALAM NEGERI, UM -12	
11.	BEKALAN TELUR AYAM KIAN PULIH, NEWS, SELANGOR KINI -17	
12.	MENCEDUNG PADI, DALAM NEGERI, UM -6	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2023	SINAR HARIAN	NEGERI PULAU PINANG	27

Sebanyak 21 ladang babi di Pulau Pinang dijangkiti ASF

GEORGETOWN - Tiga lagi ladang babi di Pulau Pinang disahkan dijangkiti penyakit demam babi Afrika (ASF) menjadikan jumlah keseluruhan ladang yang terlibat ialah 21 buah.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow berkata, kesemua ladang tersebut terletak di tiga daerah iaitu Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

Bagaimanapun, menurut Kon Yeow, jumlah babi yang dimusnahkan masih berjumlah 4,204 ekor seperti yang dilaporkan pada 19 Januari lalu.

"Sekarang Isnin, saya belum dapat sebarang maklumat terkini mengenai jumlah ladang yang positif ASF. Sehingga Ahad, sebanyak 21 ladang disahkan dijangkiti virus tersebut.

"Jumlah babi yang dilupuskan masih sama iaitu lebih 4,000 ekor.

Virus ini mu-

dah merebak seperti yang diumumkan

sebelum ini. sebab itu, banyak ladang

yang dijangkiti," katanya ketika dihubungi

pada Isnin.

Kon Yeow menambah, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sedang giat membuat persiapan untuk meneruskan proses pelupusan babi yang disahkan positif ASF.

"Pemilik ladang perlu memaklumkan kepada JPV bilangan babi yang memerlukan

jumlah babi bagi memastikan ia

dijangkiti atau tidak."

Pemilik ladang perlu

memaklumkan kepada JPV bilangan babi yang mereka ada, dan JPV akan memeriksa jumlah babi bagi memastikan ia dijangkiti atau tidak.

"Mengenai pampasan, ia akan diuruskan oleh JPV. Oleh itu, pemilik ladang perlu tampil bersama JPV untuk mengira jumlah babi dalam ladang. Selepas JPV mengesahkan jumlah babi yang dijangkiti, proses pelupusan akan dijalankan.

"Selepas itu, baru pemilik ladang boleh kemukakan tuntutan mereka mengikut jumlah babi yang dilupuskan. Disebabkan itu, pemilik ladang perlu memaklumkan kepada JPV bagi membolehkan mereka melakukan tuntutan," katanya.

Khamis lalu, dilaporkan penyakit ASF telah merebak dengan lebih luas di Pulau Pinang dengan penambahan tujuh ladang ternak babi lagi menjadikan 18 ladang di tiga daerah di negeri ini disahkan positif. Ia membabitkan 14 ladang di SPS serta masing-masing dua di SPT dan SPU.



KON YEOW

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2023	KOSMO	NEGARA	15

21 ladang babi di Pulau Pinang dijangkiti ASF

GEORGE TOWN – Penyakit Demam Babi Afrika (ASF) di Pulau Pinang semakin merebak dengan 21 ladang babi komersial kini dikesan positif wabak itu sejak kelmarin.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow berkata, semua ladang yang dikesan positif penyakit ASF itu terletak di tiga daerah iaitu Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

"Setakat semalam secara keseluruhan, sebanyak 21 ladang babi disahkan positif ASF.

"Virus ini cepat merebak dan disebabkan itu, banyak ladang dijangkiti. Setakat ini, jumlah babi yang dilupuskan adalah 4,000 ekor dan kita sedang meneruskan usaha memusnahkan babi-babi yang dijangkiti," katanya di sini semalam.

Sebelum ini, pada 13 Januari lalu, Pulau Pinang mengisyaratkan wabak ASF di negeri itu seba-

gai 'bencana' selepas kes dilaporkan di 11 ladang babi komersial di daerah SPS dan SPT, melibatkan 25,000 ekor babi.

Pemusnahan dilakukan dengan gas karbon dioksida dan mengikut Kod Amalan Kebajikan Haiwan dan garis panduan Pengurusan Pelupusan Haiwan sebelum bangkai ditanam.

Berdasarkan data bancian Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, terdapat 124 ladang ternakan babi di Pulau Pinang membabitkan jumlah keseluruhan 267,348 ekor babi.

Menurut Kon Yeow, pemilik ladang babi terjejas perlu segera melaporkan perkara itu kepada JPV bagi urusan pembayaran pampasan dan pelupusan babi yang terkesan dengan penyakit ASF.

"Mereka mesti sahkan bilangan babi terlibat dengan JPV dan mulakan pelupusan, kemudian kemukakan tuntutan pampasan," katanya.



KON YEOW (kanan) mendengar penjelasan mengenai wabak ASF yang menyerang ladang babi di Perkampungan Valdor, SPS baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Tiga lagi ladang babi rekod kes baharu ASF

Georgetown: Tiga lagi ladang babi di Pulau Pinang merekodkan kes baharu jangkitan penyakit demam babi Afrika atau 'African swine fever' (ASF), menjadikan jumlah keseluruhan ladang terkesan wabak itu kepada 21 setakat ini.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, berkata kes jangkitan ASF masih membabitkan ladang di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) setakat kelmarin.

"Seperti diumumkan dahulu, ASF adalah virus yang senang merebak menjadikan jumlah ladang yang terbabit 21 berbanding 18 sebelum ini.

"Namun untuk mengatakan keadaan bertambah buruk, terdapat ladang yang didapati negatif ASF hasil ujian saringan yang dilakukan jadi situasi ini akan dipantau secara berterusan," katanya kepada media, di sini semalam.

Permohonan pampasan

Kon Yeow memaklumkan dalam tempoh ini sejumlah 4,204 ekor babi daripada empat ladang di SPS selesai dilupuskan sepenuhnya.

Beliau berkata pemilik ladang terbabit perlu tampil te-

rutamanya bagi tujuan permohonan pampasan yang akan diuruskan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Dalam dua tiga hari ini kita akan buat persiapan meneruskan usaha (pelupusan babi) jadi penternak perlu tampil kerana sudah diumumkan ada pakej pampasan.

"Jadi mereka perlu memaklumkan kepada JPV untuk mengesahkan bilangan ternakan yang dilupuskan baru boleh mengemukakan tuntutan.

"Lagipun ini adalah wabak yang perlu dimaklumkan apabila berlaku dan ia turut termaktub di dalam akta dan wajib dilaporkan sekiranya ada kes jangkitan dalam ladang," katanya.

Difahamkan nilai pampasan babi dewasa bernilai antara RM400 dan RM800 dengan penternak perlu memenuhi syarat-syarat tertentu.

Khamis lalu media melaporkan sebanyak 18 ladang babi dengan jumlah 48,194 ekor babi terjejas akibat ASF di negeri ini.

Berdasarkan rekod, terdapat sejumlah 124 ladang ternakan babi beroperasi di Pulau Pinang iaitu sejumlah 64 di SPU, 52 di SPS, empat di SPT dan empat di bahagian pulau membabitkan sejumlah 267,348 ekor babi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2023	HARIAN METRO	LOKAL	11

George town: Tiga lagi ladang babi di Pulau Pinang merekodkan kes baharu jangkitan wabak demam babi Afrika (ASF) menjadikan jumlah keseluruhan ladang terkesan wabak itu kepada 21 setakat ini. Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, kes jangkitan ASF masih membabitkan ladang di Seberang Perai Selatan (SPS), Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan (SPS) setakat semalam.

"Kini wabak merebak menjadikan jumlah ladang yang terbabit kepada 21 berbanding 18 sebelum ini.

"Namun, untuk mengatasi keadaan bertambah buruk tidak juga kerana terdapat ladang yang didapati negatif. ASF hasil ujian, sa ringan yang dilakukan, ladi, situasi ini akan dipantau secara berterusan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Kon Yeow memaklumkan setakat ini sebanyak 4,204 babi dari empat ladang di SPS selesai dilupuskan sepenuhnya.

Beliau berkata, pemilik ladang terbabit perlu tam

Tiga lagi ladang babi dijangkiti ASF



KON YEOW

tan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Dalam dua tiga hari ini kami akan buat persiapan meneruskan usaha (pelupusan babi), jadi penterokaan perlu rampil kerana sudah diumumkan ada paket pampasan.

"Jadi, mereka perlu memaklumkan kepada JPV untuk mengesahkan bilangan babi boleh mengemukakan tuntutan.

"Lagipun ini wabak yang

difahamkan nilai pampa san babi dewasa bernilai antara RM400 dan RM800 dengan penternak perlu memenuhi syarat-syarat tertentu.

Khamis lalu media me

laporkan sebanyak 18 la

dang babi dengan jumlah

48,194 babi terjejas akibat

ASF di negeri ini.

Berdasarkan rekod, ter

dapat sejumlah 124 ladang

ternakan babi beroperasi

di Pulau Pinang iaitu se

jumlah 64 di SPU 52 di

SPS, empat di SPT dan em

pat di bahagian Pulau me

libatkan sejumrah 267,348

babi.

18

Jumlah ladang babi dengan catatan 48,194 babi terjejas akibat ASF di Pulau Pinang

berlaku dan ia turut termaktub dalam akta dan wajib dilaporkan sekiranya terdapat kes jangkitan dalam ladang," katanya.

berlaku dan ia turut termaktub dalam akta dan wajib dilaporkan sekiranya terdapat kes jangkitan dalam ladang," katanya.

perlu dimaklumkan apabila

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2023	NST	NEWS	8

DVS PLANS MORE CULLING

ASF cases reported in 3 more pig farms in Seberang Prai

GEORGE TOWN: Another three pig farms in Seberang Prai have reported cases of African Swine Fever (ASF), taking the number of commercial pig farms affected in the state to 21.

Penang Chief Minister Chow Kon Yeow said the cases were reported in all three districts in Seberang Prai — Seberang Prai Utara (SPU), Seberang Prai Tenaga (SPT) and Seberang Prai Selatan (SPS).

He said ASF was a highly con-

farms to prevent further spread. “Although there are more pig farms reporting cases of ASF, there are also some farms whose results have come back negative for ASF.”

“So, to say that the situation has worsened is not right as there are also farms that are free from ASF. We need to monitor the situation,” he said.

He said the state Veterinary Services Department (DVS)

further culling exercises. “In two to three days, DVS will continue the culling exercise.” Last Thursday, it was reported that 18 pig farms with a total of 48,194 pigs were affected by ASF.

SPU was the latest district to record ASF cases, particularly in Kampung Selamat.

The culling exercise is being

“aster” after cases were reported in 11 commercial pig farms in SPS and SPT, involving 25,000 pigs.

The culling is being conducted through the use of carbon dioxide gas and in accordance with the Animal Welfare Code of Practice and Animal Disposal Management guidelines before the carcasses are buried.

The disease is not a danger to humans but can have a devastating impact on pig populations and the farming industry. There is no effective vaccine against ASF.

Meanwhile, Chow said affected pig farm owners would need to step forward to discuss compensation matters, which will be managed by DVS.

Compensation for each adult pig is between RM400 and RM800, with certain conditions. “They need to work together with DVS to count the number of pigs in their farms that are being culled. They must immediately inform of any ASF case in their farm,” said Chow.

On Jan 13, Penang declared the ASF outbreak in the state a “dis-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2023	HARAKAH	MELAKA	H7

Kunjung LKIM, bincang masa depan nelayan terjejas

Oleh IBNU JANIE

Foto ABU ANAS

KOTA MELAKA: Nasib dan masa depan nelayan pantai yang terjejas akibat aktiviti penambangan pasir menjadi topik utama perbincangan dalam satu pertemuan antara Ahli Parlimen PAS dengan pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Melaka.

Ahli Parlimen Tangga Batu, Bakri Jamaluddin berkata isu-isu ini melibatkan nelayan di negeri ini khususnya dalam Wilayah Melaka Selatan dan Jasin yang terjejas teruk.

"Antara topik yang kami bincangkan secara mendalam adalah soal masa depan nelayan khususnya dalam Wilayah Melaka Selatan dan Jasin. Pendapatan nelayan di dua wilayah ini terjejas akibat dari projek penambangan laut.

"Mudah-mudahan hasil perbincangan kami dapat diketengahkan agar penyelesaian jangka panjang dapat dilakukan demi menjaga kelestarian industri perikanan negara," ujar beliau.

Kata beliau lagi, pertemuan tersebut turut membincangkan beberapa saranan sebagai solusi kepada masalah yang sedang berlaku ini.

"Antaranya sukan memancing, pelancongan laut dan meningkatkan populasi ikan dengan menambahkan tempat-tempat pembiakan ikan," ujarnya.

Beliau yang juga merupakan Timbalan Pesuruhjaya-1 PAS Melaka berkata demikian ketika dihubungi *Harakah* pada Khamis bagi mengulas pertemuan tersebut yang



Bakri Jamaludin (kanan) menerima cenderahati dari Pengarah LKIM Melaka.



Bakri Jamaludin dan Tuan Guru Zulkifli Ismail semasa sesi perbincangan dengan LKIM.

berlangsung di Kompleks LKIM di Muara Sungai Duyong, Padang Temu.

Pertemuan pada Selasa ini turut dihadiri Ahli Parlimen Jasin, Tuan Guru Zulkifli Ismail, Pengerusi Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar (LATAS) PAS Melaka, Jamrudin Ahmad dan Pengurus Pertubuhan Nelayan Kawasan Melaka Selatan dan Jasin Nasirudin.

Terdahulu dalam pertemuan tersebut, rombongan ini turut diberikan taklimat berkaitan perkembangan terkini isu-isu berkaitan nelayan oleh Pengarah LKIM Melaka, Adib Syazwan Mohamad Hassan.

Kata Bakri lagi, di samping untuk membincangkan isu nelayan, lawatan ini juga bertujuan untuk membina hubungan baik dengan agensi kerajaan bagi mendapatkan maklumat tepat mengenai industri perikanan di negeri ini, isu kebaji-

kan nelayan dan dan kekerjaman makanan dari sumber protein.

"Dalam pertemuan ini kami juga berbincang alternatif yang ada dan idea baru bagi mempertahankan kelastarian sektor perikanan dan mempertingkatkan pendapatan sampingan nelayan.

"Lawatan ini sangat informatif. Kami dapat memahami peranan LKIM dan Persatuan Nelayan yang dibahagikan kepada tiga wilayah iaitu Melaka Barat - Masjid Tanah (Tanjung Bidara - Kuala Linggi); Melaka Selatan - Tangga Batu dan Kota (Pantai Kundur hingga Sungai Duyong) dan Jasin (Sebatu, Pantai Siring dan lain-lain)," ujar beliau.

Beliau turut berharap agar dengan lawatan ini, beliau bersama rakan Ahli Parlimen yang terlibat dapat memainkan peranan sebagai pemudah cara antara nelayan dengan agensi kerajaan berkaitan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
25/1/2023	HARIAN METRO	BISNES	SURAT 23



SUKARELAWAN Agrobank bersama 40 pelajar daripada latar belakang keluarga B40 berusia di antara tujuh hingga 12 tahun.

Agrobank anjur kempen bantu 40 pelajar

Kuala Lumpur: Agrobank menganjurkan program Huat Ah Shopping Spree, sebuah inisiatif di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) bank untuk meringankan beban perbelanjaan persiapan sempena perayaan Tahun Baru Cina membabitkan pelajar dari pada keluarga kumpulan B40 di sekitar Kota Kinabalu, Sabah.

Program julung kali anjuran Agrobank ini membabitkan 40 pelajar daripada latar belakang keluarga B40 berusia di antara tujuh hingga 12 tahun daripada 11 Sekolah Jenis Kebangsaan (SJKC) dari sekitar Kota Cina (SJKC) dari sekitar Kota Kinabalu.

Wang tunai RM200 dipurutukkan kepada setiap pelajar yang dibelanjakan dengan bantuan sukarelawan

dengan Agrobank untuk membeli pakaian baharu sempena Tahun Baru Cina serta keperluan asas lain bagi menuhi keinginan peribadi mereka. "Usaha ini antara inisiatif melangkau perbankan Agrobank untuk terus menyokong dan membantu komuniti setempat dalam memenuhi impian kecil dan sekali gus meringankan beban keluarga mereka," katanya.

berkemampuan membawa mereka membelah dan memilih pakaiannya dan kasut baharu yang mereka idamkan.

“Usaha ini antara inisiatif melangkau perbankan Agrobank untuk terus menyokong dan membantu komuniti setempat dalam memenuhi impian kecil dan sekali gus meringankan beban keluarga mereka,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2023	KOSMO	NIAGA	38



PARA sukarelawan bergambar bersama penerima bantuan pada program tanggungjawab sosial korporat Agrobank di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Agrobank bantu pelajar B40

PETALING JAYA – Agrobank menganjurkan program 'Huat Ah Shopping Spree' bagi meringankan beban perbelanjaan persediaan sambutan perayaan Tahun Baru Cina melibatkan pelajar-pelajar daripada keluarga kumpulan B40 di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Program yang julung kali dianjurkan Agrobank itu membabitkan kira-kira 40 pelajar berusia antara tujuh dan 12 tahun daripada 11 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina terpilih.

Wang tunai sebanyak RM200 diperuntukkan kepada setiap pelajar untuk dibelanjakan

dengan bantuan sukarelawan Agrobank bagi membeli pakai-an baharu serta keperluan asas yang lain yang memenuhi keinginan peribadi mereka.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hus-sin berkata, pihaknya muah mendekati dan memahami sendiri keperluan anak-anak daripada keluarga kurang berke-mampuan dengan membawa mereka membeli-belah serta memilih sendiri pakaian dan kasut baharu yang diidamkan.

"Usaha ini merupakan salah satu daripada inisiatif melang-

kaui perbankan Agrobank dalam terus menyokong dan membantu komuniti setempat memenuhi impian kecil mereka, sekali gus meringankan beban keluarga.

"Selain membeli keperluan Tahun Baru Cina, pelajar-pelajar ini turut diberikan pendedahan mengenai pengurusan wang secara berhemah dan bijak sebagai pendedahan awal kepada kae-dah pengurusan wang yang betul di awal usia," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Turut hadir pada program berkenaan ialah Timbalan Men-teri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Kerajaan perlu serius selesaikan masalah sekatan eksport induk ayam

Bekalan ayam bakkal susut 40%

Oleh FAHMI FAIZ
fahmifai2@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Negara berdepan ancaman keselamatan makanan serius kerana bekalan ayam seluruh negara dijangka menyusut 40 peratus menjelang Jun tahun ini. Penyusutan tersebut jika benar-benar berlaku, akan menyaksikan bekalan ayam di pasaran berkuranan daripada 2.2 juta ekor sehingga kepada cuma 1.3 juta ekor, iaitu kekurangan sebanyak 900,000 ekor ayam.

Sumber industri ternakan ayam yang ditemui Utusan Malaysia semalam mendedahkan, isu kekurangan bekalan protein itu berlaku kerana penularan wabak selesama burung yang serius di hampir seluruh negara di hemisfer utara terutama di Eropah dan Amerika Syarikat.

Katanya, Malaysia bergantung kepada import ayam pembiak baka +ataupun stock PS dari Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat. Malangnya, negara-negara tersebut kini mengetarkan eksport PS masing-masing lantaran wabak

“Isu kekurangan bekalan protein itu berlaku kerana penularan wabak selesama burung yang serius di hampir seluruh negara di hemisfer utara terutama di Eropah dan Amerika Syarikat.”

yang mengancam nyawa manusia. “Bahawa jika manfa-mana negara ada penyakit berkaitan unggas, mereka harus memaklumkan kepada The Office International des Epizooties (OIE), iaitu badan antarabangsa yang memantau penyakit benangkit,” katanya semalam.

Sumber berkata, kesan akibat sekatan eksport stock PS ke Malaysia, menyebabkan negara dijangka berdepan penyusutan kira-kira 900,000 ekor ayam sehari kerana tiada baka untuk dipelihara.

“Kita menjangka, berdasarkan hasil perbincangan dengan pemain industri minggu lepas, kira-kira 40 peratus bekalan ayam akan menyusut yang akan mulai dirasai

yang mengeluarkan GPS, kepada 22 syarikat seluruh negara yang mengeluarkan PS. “Tapi, dalam 22 syarikat yang mengeluarkan PS ini, hanya 12 saja yang menggunakan pakai baka GPS daripada empat pembekal tadi manakala, 10 syarikat PS yang lain pula, menggunakan baka PS dari luar negara iaitu negara-negara di hemisfer utara terutama Eropah,” kata sumber.

Pada masa sama, sumber berkenaan difahamkan bahawa kerajaan juga sedang mencari alternatif lain mendapatkan bekalan GPS dan PS dari Australia dan New Zealand.

“Tapi, jika kerajaan gagal memenuhi permintaan industri ayam tempatan mengambil stock PS dan pembekal tempatan, atau gagal memastikan alternatif lain mendapatkan bekalan GPS dan PS dari Australia dan New Zealand.

Sementara itu, sumber industri telur yang ditemui juga mengakui kesan sekutu eksport baka PS ayam penelur turut melanda sektor tersebut.

Berikut proses dalam industri ayam, dan bagaimana kartel mengawal proses-proses tersebut

1 STOK INDUK AYAM

Kartel kawal stok induk ayam, sama ada daripada sumber tempatan sedia ada maupun yang diimport dari Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kesatuan Eropah.

2 LADANG BAKA

Penghasilan telur ayam dari stok induk untuk penetasan menjadi anak ayam (day-old chick atau DOC).

3 PUSAT PENETASAN

Penetasan telur ayam menjadi anak ayam (day-old chick atau DOC).

4 LADANG AYAM

Ada kira-kira 2,600 ladang mengeluarkan 2.2 juta ekor ayam dewasa setiap hari.

5 PENYEMBELIHAN DAN PEMPROSESAN

Cuma 30 peratus diproses di kilang yang memenuhi piawaians keselamatan makanan bertaraf dunia.

6 PROSES LANJUTAN

Pengeluaran produk hilir seperti ayam kisar, burger, sosis dan nugget ayam.

7 PEMASARAN DAN PENGEDARAN

Headline	Bekalan telur ayam kian pulih		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	25 Jan 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	17	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	74 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 726
Frequency	Weekly	PR Value	RM 2,178



Bekalan telur ayam kian pulih


SHAH ALAM - Kekurangan bekalan telur di negara ini semakin pulih berikutan langkah sementara iaitu mengimport bahan makanan itu, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu.

Beliau berkata data Jabatan Veterinar menunjukkan kekurangan telur pada Disember lepas sebanyak sejuta berbanding sebelum itu iaitu November sebanyak 157 juta dan 118 juta pada Oktober, lapor Bernama.

"Saya bersama pengurusan tertinggi MAFS bertemu beberapa pengeluar utama telur untuk mencari jalan penyelesaian terbaik supaya bekalan dapat dipulihkan.

"Alhamdulillah, sekarang bekalan ayam dan telur sudah mula pulih, insya-Allah akan kembali stabil tidak lama lagi," katanya dalam kenyataan pada 17 Januari.

Disember lalu, kerajaan membenarkan kemasukan telur ayam dari India menerusi laluan udara bagi memastikan telur ayam yang diimport menepati piawaian.



Malaysia had achieved egg self-sufficiency before the current supply crisis. FILE PIC

SUPPLY SHORTAGE

'ABOLISHING EGG IMPORT APs UNSUSTAINABLE'

Govt should look into issues within the supply chain instead, says expert

AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR
ALOR STAR
news@nst.com.my

ABOLISHING approved permits (APs) for the importation of eggs may not be a sustainable solution to the shortage of the food commodity.

Economist Dr Irwan Shah Zainal Abidin from Universiti Utara Malaysia said the government should instead identify issues within the supply chain since the country had achieved egg self-sufficiency before the current supply crisis.

"The problem of egg supply in the market is that upon examination of the country's self-sufficiency level, it becomes apparent that it exceeds 114 per cent. This indicates that there is a surplus," he said.

"Therefore, it is imperative to understand the root cause of the present crisis, as it is not a scarcity of supply. Eliminating APs for egg imports would only exacerbate the situation by creating a surplus of imported eggs, thereby depressing prices and rendering the selling of eggs unprofitable for local suppliers."

"It is crucial to remember that profitability for egg farmers and

suppliers is a key determinant of the stability of the supply of eggs. If they are unable to earn a profit, they may be inclined to manipulate the supply or prices of eggs," he told the *New Straits Times*.

Irwan, who is former director of the Asean Research Institute of Banking and Finance, said it was important to identify specific points of dysfunction within the supply chain that prevented suppliers from making a fair profit.

"Ultimately, it is traders and chicken farmers who supply these eggs and it is essential to acknowledge that they also seek to earn a profit. It is crucial to identify the specific problematic points within the supply chain that are contributing to the current shortage of eggs in the market."

"One potential area of concern may be the management of costs throughout the supply chain. Cost-related issues may be preventing egg suppliers from achieving profitability."

On Sunday, Bumiputra Retailers Association president Datuk Ameer Ali Mydin urged the government to remove APs for importing chicken eggs to stabilise supply and prices in the market.

Ameer said by doing so, the prices of eggs would be competitively set and a minimum reduction of 10 per cent in its price could be expected as more peo-

ple, including hypermarkets, could directly import eggs.

Irwan said that it might be more productive for the government to redirect its efforts away from price controls, as inflation persisted.

He said the government should instead prioritise creating high-paying jobs to enhance purchasing power and drive wages above the inflation rate, in addition to implementing other policies.

"To address the high cost of living, it's important to create high-income jobs. This will help people have more money to spend and push wages up above the rate of inflation."

"It's important to understand that lowering the prices of goods is not the solution. Even though inflation may be decreasing, prices are still going up, just at a slower rate."

"That is why Bank Negara Malaysia has not raised the overnight policy rate yet, but it may do so later in the year. So, our focus should be on creating jobs and increasing wages above inflation rates."

He also suggested that the government take several measures to alleviate the burden of the high cost of living on citizens, such as raising the minimum wage, providing direct financial aid, implementing a coupon system for essential goods and reducing public transportation costs.



Dr Irwan Shah
Zainal Abidin

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6



Mencedung padi

KAEDAH menanam secara mencedung antara aktiviti penting dalam proses penanaman padi yang menjadi amalan pesawah tradisional. Kaedah manual itu berkesan mengatasi isu padi angin dan menghasilkan padi lebih berkualiti disebabkan pokok padi memperoleh ruang yang secukupnya untuk menyerap nutrien.

Antara pesawah yang masih menggunakan kaedah tradisional itu adalah penduduk Kampung Temian Jerung, Pengkalan Berangan, Marang, Terengganu mencedung padi yang menjadi sumber rezeki mereka. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY

Terengganu.
Penanaman padi di Terengganu hanya dua kali dalam setahun kerana faktor musim tengkujuh menyebabkan ia tidak dapat ditanam dengan kerap.

■ PENDUDUK Kampung Temian Jerung, Pengkalan Berangan, Marang, Terengganu mencedung padi yang menjadi sumber rezeki mereka. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY